

BAB 5

PERBANDINGAN PENYIMPANGAN BAHASA *TOK GURU* dan *DI HADAPAN PULAU*

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam Bab 3 dan Bab 4, didapati bahawa sememangnya wujud penyimpangan bahasa dalam karya sastera. Terdapat 9 pola atau jenis penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru* dan 5 pola atau jenis penyimpangan dalam *Di Hadapan Pulau*. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan perbandingan pola atau jenis penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau*.

Jadual 5.1 : Perbandingan Pola Atau Jenis Penyimpangan Bahasa *Tok Guru*
dan *Di Hadapan Pulau*

Bil.	Pola/Jenis Penyimpangan Bahasa	Tok Guru	Di Hadapan Pulau
1.	Morfologi/Imbuhan	51	11
2.	Kata Sendi Nama	55	11
3.	Kata Pemeri	14	1
4.	Bentuk Jamak	15	2
5.	Golongan Kata	34	-
6.	Struktur D-M	1	-
7.	Kata Bilangan	8	-
8.	Darjah Penghabisan Kata Adjektif	2	-
9.	Penyimpangan Sintaksis	48	22
	Jumlah	228	48

Berpandukan jadual 5.1, ternyata bahawa pola atau jenis penyimpangan bahasa *Tok Guru* jauh melebihi *Di Hadapan Pulau*. *Tok Guru* telah mencatatkan sebanyak 9 pola atau jenis penyimpangan bahasa sedangkan *Di Hadapan Pulau* hanya mencatatkan 5 pola penyimpangan bahasa sahaja. Terdapat 4 pola penyimpangan bahasa yang ada dalam *Tok Guru* tetapi tidak terdapat dalam *Di*

Hadapan Pulau. Keempat-empat pola itu ialah penyimpangan golongan kata, struktur D-M, kata bilangan, dan penyimpangan darjah penghabisan kata adjektif.

Daripada pola atau jenis penyimpangan bahasa di atas, dapat ditunjukkan juga peratusan penyimpangan setiap pola tersebut. Jadual 5.2 menunjukkan peratusan penyimpangan bahasa *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau* berdasarkan kekerapannya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.2 di bawah.

Jadual 5.2 : Peratus Kekerapan Penyimpangan Bahasa *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau*

Pulau

Bil.	Pola/Jenis Penyimpangan Bahasa	Peratus (%)	Penyimpangan
		<i>Tok Guru</i>	<i>Di Hadapan Pulau</i>
1.	Imbuhan	22.37	22.92
2.	Kata Sendi Nama	24.12	22.92
3.	Kata Pemerl	6.14	2.08
4.	Bentuk Jamak	6.58	6.25
5.	Golongan Kata	14.91	-
6.	Struktur D-M	0.44	-
7.	Kata Bilangan	3.51	-
8.	Darjah Penghabisan Kata Adjektif	0.88	-
9.	Penyimpangan Sintaksis	21.05	45.83
	Jumlah	100%	100%

Penyimpangan imbuhan merupakan pola atau jenis penyimpangan yang kedua tertinggi dalam *Tok Guru* (TG), iaitu sebanyak 51 penyimpangan atau 22.37%. *Di Hadapan Pulau* (DHP), penyimpangan imbuhan mencatatkan sebanyak 11 penyimpangan atau sebanyak 22.92%, iaitu penyimpangan bahasa yang kedua terbanyak. Jadual 5.3 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus penyimpangan imbuhan.

Jadual 5.3 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Morfologi/Imbuhan

Bentuk Penyimpangan Imbuhan	Novel	<i>Tok Guru</i>		<i>Di Hadapan Pulau</i>	
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Awalan	36	70.59	7	63.64	
Akhiran	1	1.96	2	18.18	
Apitan	14	27.44	2	18.18	
Sisipan	-	-	-	-	-
Jumlah	51	100%	11	100%	

Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa penyimpangan imbuhan dalam TG terlalu besar jumlahnya daripada DHP. Dari segi bentuk

imbuhan pula, penyimpangan awalan merupakan penyimpangan imbuhan yang tertinggi bagi *TG* dan *DHP* diikuti penyimpangan apitan dan yang paling sedikit ialah penyimpangan imbuhan akhiran.

Penyimpangan KSN hanya melibatkan 9 bentuk, iaitu *di*, *ke*, *dari* dan *daripada*, *pada* dan *kepada*, *antara* dan *di antara*, serta *dalam* dan *di dalam*. *TG* mencatatkan 55 penyimpangan atau 24.12%, manakala *DHP* sebanyak 11 atau sebanyak 22.92%. Jadual 5.4 di bawah menunjukkan penyimpangan KSN *TG* dan *DHP*.

Jadual 5.4 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan KSN

Jenis Penyimpangan KSN	Novel Tok Guru	-	Di Hadapan Pulau		
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Dalam & di dalam	8	14.55	-	-	-
Dari & daripada	22	40.00	9	81.82	
Antara & di Antara	1	1.82	1	9.09	
Kepada & Pada	4	7.27	-	-	-
Ke	11	20.00	-	-	-
Di	9	16.36	1	9.09	
Jumlah	55	100%	11	100%	

Berdasarkan jadual 5.4 di atas, penyimpangan KSN *TG* adalah berjumlah 55 penyimpangan, iaitu sebanyak 30.56%, manakala *DHP* mencatatkan sejumlah 11 penyimpangan, atau 22.92%. Penyimpangan *dari* dan *daripada* merupakan bentuk penyimpangan sendi nama yang tertinggi bagi kedua-dua novel. *TG* merekodkan sebanyak 22 penyimpangan *dari* dan *daripada*, dan *DHP* sebanyak 9

penyimpangan kata sendi. Terdapat 5 penyimpangan KSN dalam *TG* tetapi tidak terdapat dalam *DHP*. Kelima-lima sendi nama itu adalah *dalam* dan *di dalam*, *ke* dan *pada* dan *kepada*.

Penyimpangan kata pemeri dalam *TG* mencatatkan sebanyak 14 penyimpangan, iaitu sebanyak 6.14% sedangkan *DHP* hanya mencatatkan 1 penyimpangan, iaitu sebanyak 2.04% sahaja. Jadual 5.5 di bawah menunjukkan penyimpangan kata pemeri.

Jadual 5.5 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Pemeri

Jenis Penyimpangan	Novel	Tok Guru	Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Kata Pemeri	14	6.14	1	2.08

Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa penyimpangan bentuk jamak dalam *TG* mencatatkan 15 penyimpangan, iaitu sebanyak 6.58% dan *DHP* hanya terdapat 3 penyimpangan, iaitu sebanyak 6.12%. Jadual 5.6 menunjukkan penyimpangan bentuk jamak kedua-dua novel tersebut.

Jadual 5.6 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Bentuk Jamak

Jenis Penyimpangan	Novel	Tok Guru		Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	
Bentuk Jamak	15	6.58	3	6.25	

Penyimpangan golongan kata hanya diperoleh dalam TG. Jumlah penyimpangan golongan kata adalah sebanyak 34 mewakili 14.91%.

Jadual 5.7: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Golongan Kata

Bentuk Penyimpangan	Novel	Tok Guru		Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	
Golongan Kata	34	14.91	-	-	

Sama seperti penyimpangan golongan kata, penyimpangan struktur D-M juga hanya melibatkan *TG*. Terdapat 1 sahaja penyimpangan struktur D-M yang diperoleh seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.8 di bawah.

Jadual 5.8 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Struktur D-M

Bentuk Penyimpangan	Novel	Tok Guru		Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	
Struktur D-M	1	0.44	-	-	

Daripada analisis sampel, terbukti bahawa penyimpangan kata bilangan juga hanya berlaku dalam *TG* dan tidak *DHP*. Terdapat sebanyak 8 penyimpangan kata bilangan, iaitu sebanyak 3.51%. Data yang diperoleh mengenai penyimpangan kata bilangan ditunjukkan dalam jadual 5.9 di bawah.

Jadual 5.9 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Bilangan

Novel	Tok Guru		Di	
			Hadapan	Pulau
Bentuk	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Kata Bilangan	8	3.61	-	-

Terdapat 2 penyimpangan darjah penghabisan kata adjektif, iaitu sebanyak 0.88% yang diperoleh dalam TG. Jadual 5.10 menunjukkan penyimpangan darjah penghabisan kata adjektif.

Jadual 5.10 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Darjah

Penghabisan Kata Adjektif

Novel	Tok Guru		Di	
			Hadapan	Pulau
Bentuk	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Darjah Penghabisan Kata Adjektif	2	0.88	-	-

Dalam penyimpangan sintaksis, *TG* mencatatkan kekerapan yang lebih tinggi daripada *DHP*. Jumlah penyimpangan sintaksis dalam *TG* berjumlah 48 penyimpangan, iaitu bersamaan 21.05%, manakala *DHP* mencatatkan sebanyak 22 penyimpangan atau sebanyak 45.83% sahaja.

Jadual 5.11 : Kekerapan dan Peratus Pola Penyimpangan Sintaksis

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru		Di Hadapan Pulau	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
i) Ayat yang menggunakan KKT tanpa objek.	11	22.92	7	31.82
ii) Ayat yang mengandung dua kesalahan bahasa atau lebih.	26	54.17	13	59.08
iii) Ayat yang tergantung, tiada subjek atau predikat.	7	14.58	1	4.55
iv) Ayat yang mengandung kesalahan lain.	4	8.33	1	4.55
Jumlah	48	100%	22	100%

Perbandingan penyimpangan bahasa antara *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau* yang dikemukakan di atas jelas menggambarkan bahawa sememangnya kedua-dua novel tersebut berlaku dan wujud penyimpangan bahasa walaupun dalam jumlah yang minimum. Dari segi kekerapan jumlah penyimpangan pula, ternyata *Tok Guru* mengatasi penyimpangan bahasa *Di Hadapan Pulau*. Daripada 9 jenis atau pola penyimpangan bahasa yang dikesan, didapati *Tok Guru* mendominasi kesemua pola penyimpangan bahasa tersebut.